



**1. KETUA PEMBANTU TEKNIK
JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
C.3-4 EB.5 [\$1,990 - \$2,970 SEBULAN]
KEKOSONGAN=2**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik / Elektronik dan Komunikasi / Telekomunikasi / Komputer / Teknologi Maklumat atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Penerbangan Awam sebagai Pembantu Teknik Kanan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pembantu Teknik Kanan atau jawatan bersesuaian dalam Tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KETUA PEMBANTU TEKNIK:

1. Bertanggungjawab secara langsung kepada Jurutera Telekom Penerbangan terhadap **Pengurusan Teknikal** melalui Unit Kecil Perhubungan atau *Surveillance ATM* atau pemaliman atau Terminal atau Kajicuaca **di dalam pengendalian, pemeliharaan dan penyenggaraan semua peralatan elektronik Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Darussalam** iaitu dengan memberikan perkhidmatan yang licin dan menepati kehendak piawaian Pertubuhan Antarabangsa Penerbangan Awam "*International Civil Aviation Organisation; ICAO)-ANNEX 10*" dan yang berkaitan dengannya.



2. Memahami segala ciri-ciri prestasi yang telah dimaktubkan dan sekaligus diterapkan dalam kerja harian.
3. Berhubung rapat dengan Pegawai Penyelaras DWK dan Jurutera Telekom Penerbangan; Ketua Unit Kecil di dalam semua aspek bagi tujuan untuk sentiasa memberikan perkhidmatan yang licin dan menepati taraf penyenggaraan ICAO.
4. Memberikan pengawasan yang rapi dan bimbingan kepada kakitangan di dalam apa jua aspek penyenggaraan dan sebagainya.
5. Memastikan kakitangan melaksanakan:-
 - Kerja penyenggaraan selaras dengan peraturan / prosedur dan jadual-jadual yang telah ditetapkan dan yang telah dipersetujui dan disahkan oleh komiti.
 - Ubahsuai yang betul lagi sempurna terhadap sistem / peralatan.
 - Kerja pembaikan yang berperaturan dan memuaskan.
6. Mengendalikan dan melaksanakan pemeriksaan tentukuran (penerbangan berkala) terhadap peralatan / sistem elektronik Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Darussalam yang difikirkan perlu.
7. Mengendalikan dan melaksanakan serta mengawasi projek pemasangan peralatan / sistem elektronik Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Darussalam yang baru.
8. Mengesahkan dan menghadapkan laporan teknikal kepada Jurutera Telekom Penerbangan bagi apa jua jenis kerosakan / kerja penyenggaraan terhadap peralatan / sistem elektronik Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Darussalam sebaik sahaja peralatan / sistem tersebut kembali beroperasi.
9. Memastikan peraturan-peraturan keselamatan bagi kegunaan / amalan teknisyen di bahagian ini sentiasa dikaji secara terperinci dan dipatuhi.
10. Melaksanakan tugas-tugas tambahan jika diperlukan (kadangkala berkaitan dengan bahagian khususnya dan jabatan amnya).